

KLK TERIMA ANUGERAH PERAK MyGHI 2016

ANIH Berhad, pemegang konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) menerima Anugerah Indeks Lebuhraya Hijau Malaysia (MyGHI) daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai mengiktiraf peranannya dalam menyumbang ke arah kelestarian reka bentuk lebuhraya dan pelaksanaan amalan pembinaan hijau.

MyGHI adalah hasil daripada usaha bersepadu antara LLM, Universiti Teknologi Malaysia, pakar lebuhraya serta organisasi berkaitan yang mengambil inisiatif menyediakan Manual MyGHI untuk menilai 31 rangkaian lebuhraya sepanjang 1,800 kilometer di Malaysia.

Pelaksanaan MyGHI akan mewujudkan persaingan secara sihat dalam kalangan syarikat konsesi untuk menyediakan kemudahan bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan sekali gus menjadikan lebuhraya terbaik di negara ini.

